

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk William @ Nyalau anak
Badak
[Lubuk Antu]**

TARIKH : 8.04.2015 (Rabu)

NO. SOALAN : 62

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa banyak lagi RTC (*Rural Transformation Centre*) akan dibina di negeri Sarawak memandangkan ia begitu penting dan berkesan untuk membantu penduduk luar bandar mendapatkan maklumat dan khidmat Kerajaan kepada rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sarawak telah mempunyai RTC di Bekenu, Miri yang merupakan RTC pertama di Sarawak. Kementerian ada cadangan untuk mewujudkan RTC Ke-2 Sarawak dan Kerajaan Negeri telah mencadangkan lokasi di Mid-Layar, Betong dan sedang dalam peringkat penilaian tapak oleh KKLW. Dengan penubuhan kedua-dua buah RTC ini, pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC akan merangkumi keseluruhan negeri Sarawak dan dapat membantu penduduk luar bandar mendapatkan perkhidmatan yang disediakan melalui RTC dengan lebih berkesan.